

**SOALAN-SOALAN LAZIM/ FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
BERKAITAN GARISPANDUAN PELUASAN UBAT PAXLOVID® KE FASILITI
KESIHATAN SWASTA**

S1	Bilakah fasiliti kesihatan swasta boleh mulakan rawatan ubat Paxlovid®?
J1	Bermula 20 Jun 2022.
S2	Apakah bayaran yang dikenakan kepada pesakit dan Pengamal Perubatan Swasta?
J2	Pemberian ubat Paxlovid® kepada pesakit di fasiliti kesihatan swasta adalah secara percuma. Walau bagaimanapun, pesakit masih tertakluk kepada caj khidmat rundingan dan lain-lain caj berkaitan yang ditentukan oleh fasiliti kesihatan swasta tersebut.
S3	Adakah pesakit akan dikenakan bayaran RM1 untuk mengambil ubat di fasiliti kesihatan kerajaan dengan menggunakan preskripsi dari Pengamal Perubatan Swasta?
J3	Tidak.
S4	Bolehkah klinik/ hospital swasta menjual ubat Paxlovid® kepada pesakit?
J4	Tidak. Jika terdapat aduan oleh orang awam, tindakan akan dikenakan ke atas klinik/hospital swasta tersebut.
S5	Apakah kriteria klinik/ hospital swasta yang berminat untuk menyertai program ini?
J5	Fasiliti kesihatan swasta yang berminat untuk menyertai program ini hendaklah memenuhi kriteria sebagaimana yang terkandung dalam surat niat serta perlu menandatangani surat tersebut sebagai tanda persetujuan. Fasiliti kesihatan swasta berkenaan juga perlu memastikan suhu penyimpanan yang sesuai bagi ubat Paxlovid® mengikut keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak pengilang.
S6	Merujuk kepada perkara 3.9: Jika Pengamal Perubatan Swasta tidak menyimpan stok ubat Paxlovid®, Pengamal Perubatan Swasta akan menulis preskripsi ubat Paxlovid® kepada pesakit yang memenuhi kriteria dan boleh mengambil ubat tersebut di klinik kesihatan yang tersenarai.

	<p>A) Adakah fasiliti kesihatan swasta ini juga perlu menghantar surat niat kepada pihak JKN?</p> <p>B) Adakah pesakit boleh memilih lokasi klinik kesihatan untuk mengambil ubat Paxlovid®?</p>
J6	<p>A) Ya. Surat niat merupakan surat persetujuan pihak fasiliti kesihatan swasta untuk menyertai program ini.</p> <p>B) Tiada pilihan. Klinik kesihatan yang dirujuk adalah ditentukan oleh pihak JKN berdasarkan lokasi/ kedudukan yang paling hampir dengan klinik/ hospital swasta berkenaan.</p>
S7	Jika fasiliti kesihatan swasta tersebut tidak memenuhi kriteria penyimpanan stok, bolehkah JKN menolak permohonan tersebut?
J7	Ya. Namun, fasiliti kesihatan swasta tersebut masih boleh menyertai program ini dengan merujuk pesakit ke fasiliti kesihatan kerajaan dengan preskripsi bersama Lampiran 3 untuk pengambilan ubat Paxlovid®. Surat niat masih perlu diisi dan dihantar ke JKN untuk tujuan ini
S8	Bagaimana hendak mengetahui bahawa Pengamal Perubatan Swasta tersebut berdaftar serta memiliki sijil pendaftaran MPM (MMC) yang sah?
J8	Pihak JKN boleh menyemak kesahihan pendaftaran berdasarkan nombor MPM (MMC) Pengamal Perubatan Swasta tersebut secara atas talian (jika perlu).
S9	Adakah fasiliti kesihatan swasta yang berminat menyertai program ini perlu berdaftar sebagai CAC GP?
J9	Tidak perlu, program ini terbuka kepada semua pengamal perubatan swasta yang berminat seperti di S5.
S10	Bolehkah hospital mengajar (hospital universiti) di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi menyertai program peluasan ubat paxlovid kepada pengamal perubatan swasta dan mendapatkan bekalan ubat Paxlovid dari klinik kesihatan KKM?
J10	Boleh.
S11	Sekiranya pengamal perubatan swasta yang mendaftar diri menggunakan surat niat dengan JKN, dan ada tambahan pengamal perubatan swasta kedua dari fasiliti swasta yang sama yang ingin

	merawat pesakit dengan ubat Paxlovid®, adakah pengamal kedua ini perlu mengisi surat niat dan hantar ke JKN?
J11	Tidak perlu. Bekalan ubat Paxlovid ® adalah diluluskan mengikut fasiliti. Nama pemohon dalam surat niat hendaklah sama seperti nama yang berdaftar dalam sijil pendaftaran premis, oleh itu semua PPS yang beramal di fasiliti kesihatan swasta tersebut boleh merawat pesakit dengan ubat Paxlovid menggunakan bekalan yang diluluskan bagi fasiliti tersebut. Oleh itu, sebarang permohonan tambahan daripada PPS lain dari fasiliti kesihatan swasta yang sama adalah tidak diperlukan.
S12	Bolehkah Pengamal Perubatan Swasta yang bertempat di kilang secara <i>in-house</i> memohon ubat Paxlovid® dari JKN?
J12	Boleh, jika premis tersebut berdaftar sebagai fasiliti kesihatan swasta dan memenuhi kriteria sebagaimana yang terkandung dalam surat niat layak menyertai program peluasan ubat Paxlovid ® ini.
S13	Bagaimana untuk mendapatkan senarai klinik kesihatan yang menyimpan dan membekal ubat Paxlovid®?
J13	Senarai klinik kesihatan yang menyimpan dan membekal ubat Paxlovid® kepada klinik/hospital swasta boleh diperolehi daripada Pegawai Primer di JKN masing-masing. Senarai ini juga dipaparkan di pautan https://covid-19.moh.gov.my/makluman/senarai-fasiliti-kesihatan-primer-yang-boleh-dispens-paxlovid . Pegawai Primer JKN dikehendaki mengemaskini data fasiliti yang menyimpan ubat Paxlovid® sekiranya terdapat perubahan.
S14	Bagaimanakah orang awam boleh mengetahui fasiliti kesihatan swasta mana yang menyertai program peluasan ubat Paxlovid®?
J14	Maklumat tentang fasiliti kesihatan swasta yang menyediakan ubat Paxlovid® boleh didapati di halaman 'Utama' laman web berikut: https://covid-19.moh.gov.my/ iaitu di pautan spesifik https://covid-19.moh.gov.my/makluman/senarai-fasiliti-kesihatan-swasta-bagi-rawatan-covid-19-dengan-paxlovid

	<p>di mana maklumat tersebut akan dikemaskini dari masa ke semasa mengikut pertambahan fasiliti kesihatan swasta yang menyertai program ini. Maklumat tersebut diperolehi daripada surat niat yang dikemukakan. Oleh itu penting bagi pengamal perubatan swasta mengemukakan segala butiran lengkap sewaktu memohon menyertai program ini.</p>
S15	<p>Bagaimana pihak klinik/ hospital swasta yang menyertai program ini mengetahui nama KK untuk mendapatkan bekalan stok Paxlovid® / merujuk pesakit COVID-19 dengan preskripsi ubat Paxlovid®?</p>
J15	<p>Pihak JKN akan membuat pemetaan dengan KK yang berhampiran untuk pembekalan stok ubat Paxlovid® / yang akan membekalkan ubat kepada pesakit yang dirujuk dengan preskripsi ubat dari klinik/hospital swasta tersebut.</p> <p>Semasa permohonan menyertai program ini, Pengamal Perubatan Swasta akan menghantar “surat niat” yang lengkap kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) berkenaan bersama Borang Permohonan Stok (KEW.PS-8). Pihak JKN akan mengesahkan dan memaklumkan KK yang berkenaan dengan menghantar 1 salinan “surat niat” dan borang KEW-PS.8 (secara softcopy atau hardcopy) untuk urusan pembekalan ubat Paxlovid®, serta sesalinan kepada Pengamal Perubatan Swasta berkaitan.</p>
S16	<p>Bagaimana pesakit hendak mendapatkan ubat Paxlovid® bagi klinik/hospital swasta yang tidak menyimpan stok ubat?</p>
J16	<p>Fasiliti kesihatan swasta yang tidak dapat menyimpan ubat Paxlovid® boleh menulis preskripsi bagi tersebut dan meminta pesakit/penjaga hadir ke klinik kesihatan yang tersenarai untuk mengambil ubat Paxlovid®. Pesakit perlu membawa preskripsi serta salinan Lampiran 3 (mukasurat pertama & kedua sahaja) untuk mendapatkan bekalan ubat tersebut di fasiliti berkenaan.</p> <p>Semua preskripsi bagi ubat Paxlovid® dari fasiliti kesihatan swasta perlu ditulis semula oleh Pengamal Perubatan Kerajaan (Pakar Kesihatan Keluarga/Pegawai Perubatan) menggunakan preskripsi KKM. Pihak farmasi di klinik kesihatan hendaklah membekalkan ubat Paxlovid® berdasarkan preskripsi tersebut.</p>
S17	<p>Bagaimana pesakit ingin mengambil ubat Paxlovid® secara <i>drive-thru</i> kaunter farmasi?</p>
J17	<p>Pihak JKN hendaklah memaklumkan kepada Fasiliti Kesihatan Swasta senarai KK yang menyediakan kaunter farmasi secara <i>drive-thru</i>. Pengamal Perubatan Swasta perlu menghubungi Unit Farmasi KK tersebut untuk membuat temujanji pengambilan ubat tersebut sekiranya perkhidmatan ini diperlukan.</p>

S18	Sekiranya Pegawai Perubatan menyemak Lampiran 3 pesakit terbabit dan mendapati mereka tidak memenuhi kriteria, adakah Pegawai Perubatan boleh menolak untuk memberikan ubat antiviral tersebut?
J18	Ya. Pegawai Perubatan KKM berhak untuk membuat penilaian semula ke atas pesakit.
S19	Jika pesakit tidak bersetuju untuk menerima ubat Paxlovid®, adakah kita perlu membekalkan ubat juga?
J19	Tidak perlu.
S20	Siapakah yang akan menjalankan pemantauan pesakit pada hari ke-3 dan ke-5 rawatan dimulakan?
J20	Sekiranya pesakit menerima ubat di klinik/ hospital swasta, pemantauan hendaklah dilakukan oleh Pengamal Perubatan Swasta/ Ahli Farmasi Swasta. Namun, jika pesakit menerima konsultasi rawatan di fasiliti kesihatan swasta tetapi dirujuk ke fasiliti kesihatan kerajaan untuk mendapat ubat Paxlovid®, pemantauan serta kaunseling penggunaan ubat akan dilakukan oleh Pegawai Farmasi di fasiliti kerajaan berkenaan.
S21	Jika Pegawai Farmasi mendapati pesakit mempunyai interaksi dengan ubat Paxlovid®, siapa yang perlu dirujuk?
J21	Pegawai Farmasi hendaklah merujuk kepada Pegawai Perubatan di KK masing-masing.
S22	Sekiranya berlaku sebarang kesalahan dari pemberian ubat kepada pesakit oleh klinik/hospital swasta, adakah pihak KK akan dipersalahkan kerana membekalkan stok ubat kepada fasiliti kesihatan swasta tersebut?
J22	Tidak.
S23	Apakah borang yang diperlukan untuk Pengamal Perubatan Swasta membuat pesanan stok di fasiliti kesihatan tersenarai?
J23	Borang-borang yang diperlukan adalah seperti berikut: a. 2 salinan Borang Permohonan Stok (KEW-PS.8) (Lampiran 2) b. 1 salinan Borang Kriteria Memulakan Rawatan Antiviral di Fasiliti Kesihatan Swasta (Lampiran 3)- mukasurat pertama & kedua sahaja

(bagi pembekalan ulangan) bagi kesemua pesakit yang telah menerima ubat Paxlovid®

S24 Bagaimana cara mengisi Borang Permohonan Stok (KEW-PS.8)?

J24 Cara pengisian borang adalah seperti di dalam gambar berikut:

S25 Apakah KEW-PS.7 yang perlu dicetak oleh pihak pembekal?

J25 Borang tersebut adalah borang pembekalan stok seperti contoh di bawah:

S26 Adakah salinan Lampiran 3 yang dibawa semasa pengambilan stok perlu disimpan oleh pihak pembekal ubat?

J26 Salinan Lampiran 3 hendaklah diberikan kepada fasiliti pembekal bagi semakan bilangan stok yang telah dibekal dengan baki stok semasa. Sekiranya Lampiran 3 tidak disertakan, pembekalan ulangan ubat ke klinik/hospital swasta berkenaan tidak akan diluluskan.

	Salinan tersebut hendaklah disimpan oleh fasiliti pembekal untuk tujuan rekod dan pemantauan. Salinan Lampiran 3 ini perlu disimpan selama 3 tahun atau mengikut tatacara semasa. Selepas 3 tahun, rekod ini hendaklah dilupuskan mengikut tatacara yang telah disarankan.
S27	Berapakah had maksima permohonan simpanan stok ubat Paxlovid® di Fasiliti Kesihatan Swasta?
J27	Sebagai panduan, disarankan simpanan stok maksima adalah 30 kotak (900 biji) bagi setiap fasiliti kesihatan swasta. Walau bagaimanapun, bilangan ini boleh berubah mengikut keperluan semasa, bergantung kepada ketersediaan stok di fasiliti kesihatan kerajaan berkenaan.
S28	Untuk klinik swasta yang ingin mendapatkan bekalan tambahan paxlovid, apakah yang perlu dilakukan?
J28	Pengamal perubatan swasta yang ingin mendapatkan bekalan tambahan (ulangan) ubat Paxlovid® boleh berkomunikasi terus dengan Klinik Kesihatan di mana mereka telah mengambil bekalan stok pertama ubat tersebut (tidak perlu menghubungi pihak JKN sekali lagi). Pengamal perubatan swasta hendaklah mengisi dan menghantar 2 salinan Borang Permohonan Stok (KEW-PS 8) (Lampiran 2 di Garis Panduan) serta semua salinan Lampiran 3 sebagai rekod/ bukti penggunaan stok setakat ini kepada Liaison Officer di Klinik Kesihatan tersebut.
S29	Adakah stok ubat ini boleh dipindah dari fasiliti kesihatan swasta ke fasiliti kesihatan swasta yang lain?
J29	Tidak. Pindahan stok ubat tidak dibenarkan sama sekali. Jika terdapat sebarang masalah berkaitan stok tersebut, fasiliti kesihatan swasta hendaklah berhubung semula dengan fasiliti yang membekal stok.
S30	Adakah terdapat had maksima untuk klinik/hospital swasta untuk merujuk pesakit ke fasiliti kesihatan kerajaan dengan preskripsi?
J30	Tiada.
S31	Siapakah yang bertanggungjawab ke atas ubat Paxlovid® yang telah tamat tempoh/ rosak semasa di dalam simpanan fasiliti kesihatan swasta?

J31	<p>Pihak fasiliti kesihatan swasta berkenaan perlu menjalankan sendiri pelupusan ubat Paxlovid® yang terlibat mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.</p> <p>Setelah selesai proses pelupusan, pihak fasiliti kesihatan swasta perlu melengkapkan pelaporan pelupusan tersebut melalui Google Form shorturl.at/lzVX1. Salinan laporan ini dan salinan dokumen pelupusan perlu dihantar kepada fasiliti KKM yang membekal ubat tersebut.</p>
S32	<p>Jika fasiliti kesihatan swasta telah menarik diri dari menyertai program ini, apakah tindakan yang perlu dilakukan ke atas baki ubat Paxlovid® yang disimpan?</p>
J32	<p>Pihak klinik/ hospital swasta perlu melupuskan ubat tersebut dan laporan pelupusan hendaklah dihantar kepada fasiliti KKM yang membekal ubat tersebut, seperti di J31.</p>
S33	<p>Adakah Lampiran 7 (Borang Reten) perlu diisi oleh pihak Klinik Kesihatan sekiranya menerima pesakit yang dirujuk dari pengamal perubatan swasta bagi mendapatkan bekalan ubat Paxlovid di KK tersebut?</p>
J33	<p>Perlu. Fasiliti yang mendispen ubat Paxlovid® kepada pesakit perlu mengisi Lampiran 7 (Borang reten) dalam <i>google form</i> di pautan berikut:</p> <p>https://forms.gle/ecrRJLsz1PCacCyU8</p>
S34	<p>Bagaimana Cawangan Primer JKN memantau penggunaan ubat Paxlovid® di fasiliti kesihatan swasta?</p>
J34	<p>Pihak JKN boleh memantau penggunaan bekalan stok ubat Paxlovid® yang telah dibekalkan kepada fasiliti kesihatan swasta berdasarkan reten yang dikemaskini oleh pihak BPKK dan dikongsikan bersama pihak JKN.</p>

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK), dan

Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam (BPKA)

Kemaskini 25.7.2022